

# Melaka terima pelaburan baharu RM958 juta

Mohd Salman Hamat

**GADEK** - Melaka terus terbukti sebagai destinasi pilihan syarikat antarabangsa apabila menerima pelaburan baharu berjumlah RM958 juta menerusi pembangunan kilang menghasilkan plastik Polietilena Tereftalat (PET) menggunakan bahan kitar semula di Taman Perindustrian HICOM, Pegoh, di sini, dijangka siap menjelang suku kedua 2025.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh berkata, pelaburan daripada FE Green Pet (M) Sdn Bhd (FMGP) merupakan anak syarikat kepada Kumpulan Far Eastern (FEG) berpangkalan di Taiwan dibangunkan di tapak seluas 14.56 hektar itu juga bakal mewujudkan sehingga 500 peluang pekerjaan baharu.

Kata Ketua Menteri, selain pulangan dalam bentuk ekonomi kepada negeri, pelaburan antarabangsa itu juga bakal memberikan manfaat kepada tenaga kerja tempatan menerusi pemindahan teknologi dalam industri berkenaan.

"Pada masa sekarang, kadar pengutipan kitar

semula (CFR) Malaysia untuk PET adalah antara 28 hingga 45 peratus. Tetapi dengan terbinaanya kilang ini kita akan mempertingkatkan lagi pengumpulan bahan kitar semula ini kepa 76 peratus menjelang 2030.

"Jadi saya berterima kasih kepada Far Eastern yang memilih Melaka. Terima kasih juga kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) yang menyokong syarikat ini untuk bertapak di Melaka," kata Ketua Menteri.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Kilang FE Green Pet (M) Sdn Bhd di Taman Perindustrian HICOM, Pegoh, di sini, 18 April lalu.

Hadir sama pada majlis itu Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital Negeri, Datuk Fairul Nizam Roslan; Timbalan Exco Pelaburan, Perindustrian dan Pembangunan TVET negeri, Datuk Khaidhirah Abu Zahar; Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Gadek, VP Shanmugam yang juga Exco Belia, Sukan dan NGO



AB Rauf dan kenamaan ketika menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Kilang FE Green Pet (M) Sdn Bhd di Kawasan Perindustrian Hicom, Pegoh, Alor Gajah. Foto Iqmal Haqim Rosman

negeri.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Melaka (MCORP), Datuk Mohd Yusof Abu Bakar; Ketua Pegawai Eksekutif Invest Melaka Berhad, Datuk Ginie Lim Siew Lin; Pengerusi FMGP, Donald Fan dan Naib Presiden Kanan FMGP, Eva Luo serta Pen-

garah MIDA Melaka Jai-balan Harirajan.

Menurut Ab Rauf, pembukaan kilang baharu peneraju industri kitar semula itu dianggap sebagai langkah penting dalam mewujudkan dan menyediakan suasana mapan serta mesra alam di negeri ini pada masa hadapan.

Jelas beliau, kilang ber-

kenaan juga adalah sejajar dengan Pelan Hala Tuju Kelestarian Plastik Malaysia 2021-2030.

"Fokus Kerajaan Negeri adalah untuk membangunkan ekosistem rPET halal bagi memenuhi permintaan global yang semakin meningkat untuk PET (plastik Polietilena Tereftalat) kitar semula.

"Pembinaan kilang kitar semula berteknologi tinggi itu selari dengan aspirasi Kerajaan Negeri untuk mengurangkan sisa plastik. Kewujudannya selepas ini diyakini bakal meletakkan Melaka sebagai destinasi utama untuk pelaburan hijau serta memacu pertumbuhan ekonomi," kata Ketua Menteri.